

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**  
**[ KANGAR ]**

**TARIKH** : **4 APRIL 2016 (ISNIN)**

**SOALAN** : **19**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi bagi fasa kedua dan ketiga melibatkan kawasan perumahan dan berapakah jumlah penambahan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di Perlis.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2) di negeri Perlis yang melibatkan hampir 2,500 sambungan port bermula sejak tahun 2015.

Selain itu, sebanyak 5 ibu sawat akan dinaik taraf bagi meningkatkan kelajuan internet yang melibatkan hampir 2,800 sambungan port dijangka bermula pada tahun 2017.

**SOALAN NO: 19**

Bagi pelaksanaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) pula, sebanyak 9 buah PI1M telah dilaksanakan di negeri Perlis manakala, 3 buah PI1M masih sedang dalam peringkat pelaksanaan.